

KERATAN AKHBAR



| | | | |
|-------------|--------------------|------------|------|
| AKHBAR | : SINAR HARIAN | | |
| TARIKH | : 8/12/2019 | MUKA SURAT | : 31 |
| JABATAN | : JPS | | |
| KLASIFIKASI | : PERHATIAN | | |

Dua PPS terakhir di Kuala Nerus ditutup pagi semalam

NORHASPIDA YATIM

KUALA TERENGGANU

Semua pusat pemindahan sementara (PPS) di Terengganu ditutup pada jam 10 pagi semalam.

Ketua Sekretariat Jawatankuasa Pengurusan Bencana negeri, Leftenan Kolonel (PA) Che Adam A Rahman berkata, PPS terakhir ditutup melabkan dua lokasi di daerah Kuala Nerus.

“Pejabat Daerah Kuala Nerus telah memaklumkan penutupan Bilik Gerakan Bencana Daerah jadi semua PPS terakhir di daerah Kuala Nerus telah ditutup sepenuhnya.

“Setakat ini boleh dikatakan bahawa bencana banjir bagi fasa

Banjir di Terengganu pulih

FOTO: ANGGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)



Keadaan banjir yang melanda Terengganu sebelum ini kini sudah pulih sepenuhnya.

ketiga ini telah pulih,” katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Che Adam yang juga Penga-

rah Angkatan Pertahanan Awam Terengganu (APM) berkata, pihaknya masih berada dalam keadaan bersiap siaga terhadap se-

barang kemungkinan bencana banjir.

Katanya, di selatan Terengganu iaitu Dungun dan Kemaman

kini masih dalam keadaan waspada di mana jika terdapat hujan lebat berterusan, boleh menyebabkan banjir.

“Bahagian hulu Dungun dan Kemaman dimaklumkan terdapat hujan renyai-renyai dan lebat.

“Jika berlarutan kemungkinan berlaku banjir di kawasan rendah atau pinggir sungai,” katanya.

Gelombang ketiga banjir di Terengganu bermula pada 29 November lalu dan berakhir semalam melabkan lapan daerah dengan rekod tertinggi mangsa 6,028 orang pada 2 Disember.

Terdahulu, gelombang pertama banjir fasa pertama berlaku di Hulu Terengganu pada 13 hingga 14 November lalu melabkan 33 mangsa dari Kampung Cheting.

Gelombang kedua pula berlaku di daerah Marang pada 22 hingga 23 November membabitkan 35 mangsa dan daerah Kemaman pada 22 hingga 24 November (304 mangsa).